

**PEMAPARAN BUDAYA POPULAR DI MALAYSIA:  
SATU KAJIAN KES KE ATAS LAPORAN KONSERT  
KRU DAN MICHAEL JACKSON DALAM  
*BERITA HARIAN***

**OLEH**

**NG YI JIUAN**

Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi sebahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)

September 1998

## **Penghargaan**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Adnan Hussein atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau semenjak dari permulaan kajian untuk membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Beliau sanggup meluangkan masa dan tenaga dalam membincang dan memberi nasihat kepada saya sepanjang kajian.

Penghargaan saya juga kepada Cik Joyce Ong Choon Kim, pensyarah di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang dan En. Ang Thean Hoe, Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Pulau Pinang yang memberi maklumat, galakan serta bantuan kepada saya dalam menyediakan kajian ini. Begitu juga dengan En. Razak Abdul Aziz, pensyarah di Bahagian Seni Muzik, Pusat Seni USM yang memberi komen dan bantuan pada peringkat permulaan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang menyimpan rekod suratkhabar-suratkhabar untuk membolehkan saya mendapat maklumat-maklumat dalam liputan berita berkaitan dengan tajuk kajian saya ini. Penghargaan saya juga kepada rakan karib saya Pn. Lee Phaik Kooi yang turut memberi saya bantuan dalam proses melengkapkan tesis ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga khasnya kedua-dua orang ibubapa yang memberi sokongan moral mereka pada sepanjang masa tesis ini dihasilkan. Kepada kedua-dua orang abang saya, Ng Wee Theng yang sering membantu saya dalam memberi idea, komen dan nasihat dari permulaan hingga siapnya tesis ini, dan Ng Wee Kwong yang memberi kemudahan bersifat teknikal sepanjang kajian ini. Semua budi mereka tidak dapat saya balaskan.

Terima Kasih.

NG YI JIUAN  
September 1998

## ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1. LATAR BELAKANG	1
1.2. RASIONAL KAJIAN	3
1.3. LATAR BELAKANG KAJIAN KES	7
1.4. PERSOALAN KAJIAN	8
<b>BAB 2 BUDAYA DAN PENGARUH POLITIK</b>	
2.1. DEFINISI BUDAYA	10
2.2. DEFINISI BUDAYA POPULAR	14
2.3. HUBUNGAN BUDAYA DENGAN KEPENTINGAN POLITIK	22
2.4. HUBUNGAN MEDIA DENGAN PENYAMPAIAN BUDAYA	26
2.5. KONSEP HEGEMONI	32
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1. ANALISA KANDUNGAN	36
3.2. TUJUAN ANALISA KANDUNGAN	39
3.2.1. PEMILIHAN SURATKHABAR	40
3.2.2. TEMPOH ANALISA KANDUNGAN KRU	41
3.2.3. TEMPOH ANALISA KANDUNGAN KONSERT MICHAEL JACKSON	42
3.2.4. UNIT PENGKODAN	42
3.3. UJIAN KEBOLEHARAPAN	50
3.3.1. UNIT PENGANALISAAN	51

<b>BAB 4 ANALISA DATA</b>	
4.1. HASIL ANALISA KANDUNGAN KRU	53
4.1.1. JENIS HALAMAN	53
4.1.2. JENIS BERITA	55
4.1.3. SUMBER UTAMA	55
4.1.4. ARAH PEMBERITAAN	56
4.1.5. TEMA	58
4.2. CAMPUR TANGAN KERAJAAN	59
4.3. HASIL ANALISA KANDUNGAN ISU MICHAEL JACKSON	70
4.3.1. JENIS HALAMAN	70
4.3.2. JENIS BERITA	72
4.3.3. SUMBER UTAMA	72
4.3.4. ARAH PEMBERITAAN	73
4.3.5. TEMA	75
4.4. CAMPUR TANGAN KERAJAAN	76
4.5. KESIMPULAN PENEMUAN	85
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	92
<b>BIBLIOGRAFI</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<u>Mukasurat</u>
Jadual 4.1 Bilangan item laporan mengikut jenis halaman	54
Jadual 4.2 Pembahagian jenis halaman suratkhabar mengikut sumber	55
Jadual 4.3 Pembahagian bilangan item mengikut sumber	56
Jadual 4.4 Arah pemberitaan mengikut bilangan dan peratusan	56
Jadual 4.5 Pembahagian arah pemberitaan mengikut sumber	58
Jadual 4.6 Pembahagian tema mengikut bilangan dan peratusan	58
Jadual 4.7 Pembahagian sumber sebelum campur tangan Kabinet	61
Jadual 4.8 Pembahagian sumber setelah campur tangan Kabinet	61
Jadual 4.9 Arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	62
Jadual 4.10 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	68
Jadual 4.11 Pembahagian tema sebelum dan setelah campur tangan Kabinet	70
Jadual 4.12 Bilangan item laporan mengikut jenis halaman	71
Jadual 4.13 Pembahagian jenis halaman suratkhabar mengikut sumber	72
Jadual 4.14 Pembahagian bilangan item mengikut sumber	73
Jadual 4.15 Arah pemberitaan mengikut bilangan dan peratusan	73
Jadual 4.16 Pembahagian arah pemberitaan mengikut sumber	75
Jadual 4.17 Pembahagian tema mengikut bilangan dan peratusan	76
Jadual 4.18 Pembahagian sumber sebelum campur tangan Kabinet	78
Jadual 4.19 Pembahagian sumber setelah campur tangan Kabinet	78

Mukasurat

Jadual 4.20 Arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	80
Jadual 4.21 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	81
Jadual 4.22 Pembahagian tema sebelum dan setelah campur tangan Kabinet	85

## **SENARAI RAJAH**

### **Mukasurat**

Rajah 4.1 Pembahagian sumber sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	60
Rajah 4.2 Arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	63
Rajah 4.3 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan positif sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	65
Rajah 4.4 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan negatif sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	66
Rajah 4.5 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan neutral sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	67
Rajah 4.6 Pembahagian tema sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	69
Rajah 4.7 Pembahagian sumber sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	77
Rajah 4.8 Arah pemberitaan sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	79
Rajah 4.9 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan positif sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	82
Rajah 4.10 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan negatif sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	83
Rajah 4.11 Pembahagian sumber mengikut arah pemberitaan neutral sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	84
Rajah 4.12 Pembahagian tema sebelum dan selepas campur tangan Kabinet	86

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1: Borang pengkodan untuk merekod arah pemberitaan

Lampiran 2: Borang pengkodan untuk merekod hasil penganalisaan berita-berita

## ABSTRAK

Suratkhabar secara tidak langsung telah menyumbang dan menjadi perantaraan kedua-dua golongan elit dan bukan elit. Di Malaysia, insiden kontroversi pengharaman pementasan konsert Michael Jackson pada tahun 1996 dan kumpulan KRU pada 1997 telah menunjukkan kaitan rapat antara politik dan budaya. Pengharaman ini juga mencerminkan usaha elit pemerintah yang terdiri daripada Kabinet dari kerajaan pusat cuba menggunakan suratkhabar dan menentukan nasib persembahan kedua-dua kumpulan itu. Oleh yang demikian, kita dapat melihat pihak yang telah menentukan berita dan wacana budaya.

Metodologi analisa kandungan kuantitatif telah dipilih dalam usaha menganalisa kajian kes pengharaman kedua-dua kumpulan ini. Suratkhabar *Berita Harian* telah dipilih kerana sifat suratkhabar ini yang bukan kedaerah dan juga merupakan suratkhabar berbahasa Malaysia yang mempunyai bilangan pembaca yang paling tinggi.

Kajian ini telah menunjukkan campur tangan elit pemerintah dapat mengubah arah serta menentukan wacana mengenai budaya popular walaupun suratkhabar seperti *Berita Harian* cuba memberi liputan yang adil dan neutral dalam pelaporan berita. Walaupun terdapat beberapa pihak seperti institusi agama dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membuat bantahan ke atas kedua-dua persembahan popular tersebut, pengharaman terus dibatalkan pada kedua-dua persembahan KRU dan Michael Jackson. Kajian ini menunjukkan elit pemerintah mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan dan mencorakkan budaya serta pemikiran mengenai budaya seperti mana dalam pelaporan *Berita Harian*.

## **ABSTRACT**

Newspapers have indirectly contributed and become the medium for both the elite and non-elite groups. In Malaysia, the controversial banning of popular concert performances by Michael Jackson in 1996 and the KRU in 1997 depicts the close link between politics and culture. The ban shows the efforts by the ruling elite comprising of the Cabinet from the federal government, which uses the newspapers to determine the status of the performances by both groups. This reveals the fact on who determines the news and the discourse on culture.

Quantitative content analysis methodology was chosen to analyse the case study about the ban on the two groups above. *Berita Harian* was chosen for content analysis because it is a nationwide newspaper. It also has the largest number of readership in Bahasa Malaysia.

The main finding in this ‘Coverage of Cultural Issue in Malaysia: A Case Study on the Coverage of the KRU and Michael Jackson Concert in the *Berita Harian*’ shows that the intervention by ruling elite is capable of influencing and determining the popular culture even though newspaper like *Berita Harian* have tried to give a fair and neutral coverage. The ban was lifted to both the performances by KRU and Michael Jackson even though there were many objections by various religious institutions and non-government organizations. This finding depicts that the ruling elite yields great influence in determining and shaping cultural thoughts as reported in the *Berita Harian*.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1. LATAR BELAKANG

Suratkhabar membekalkan maklumat kepada manusia mengenai kejadian-kejadian yang telah berlaku, sedang berlaku mahupun akan berlaku di persekitaran. Suratkhabar secara umumnya menyalurkan maklumat yang merupakan pengalaman, pendapat, kenyataan atau keputusan yang dibuat oleh seseorang. Liputan suratkhabar termasuk memberitahu orang awam mengenai peristiwa tertentu yang berlaku setiap hari, melaporkan kegiatan kehidupan manusia yang berkepentingan dalam masyarakat seperti golongan elit, meneliti kegiatan tersebut secara kritikal serta melaporkan kegiatan resmi kepada awam. Justeru itu berita yang dikumpulkan sepatutnya merupakan berita yang berfakta, adil, objektif serta tidak memihak kepada seseorang, sesebuah parti, dasar mahupun sistem.

Suratkhabar boleh mempengaruhi khalayak melalui isu-isu yang disiarkan, supaya khalayak memberi perhatian kepada sesuatu idea, hal, isu atau peristiwa. Pemilihan berita atau isu secara sedar yang dibuat oleh wartawan, dapat menentukan apakah isu yang patut diberi perhatian umum. Seperti yang dikatakan oleh Kurt Lang et al. (1966:468), suratkhabar memaksa perhatian umum kepada isu-isu tertentu, objek-objek akan disarankan kepada masyarakat mengikut pandangan pemberita apa yang difikirkan patut diketahui.

Dalam keadaan sebenar, isi kandungan media dipengaruhi oleh implikasi politik. Liputan yang merangkumi ahli-ahli politik sebagai sumber utama, serta kumpulan berkepentingan yang memberi tekanan kepada media demi untuk mencapai matlamat mereka sendiri. Akibat daripada kaitan tersebut, banyak liputan politik wujud dalam isi

kandungan media sehingga pengaruh kuasa terhadap media jelas dilihat (Paletz et al., 1981:10).

Bernard C. Cohen (1963:20) telah mengatakan suratkhabar amat berjaya dalam menggalakkan pembacanya berfikir mengenai sesuatu hal. Melalui subjek yang diliputi dalam isi kandungan suratkhabar seperti jenis laporan berita, ulasan pengarang, gambar serta struktur liputan, suratkhabar dapat memberitahu orang ramai mengenai apa yang sepatutnya difikirkan, serta cara untuk melihat sesuatu isu. Liputan berita yang bersifat laporan ini dapat membantu pihak pemerintah yang ingin mengekalkan kuasa terus mempergunakan media untuk mencapai kehendak mereka.

Wujudnya hubungan antara suratkhabar dengan kuasa politik menyebabkan berita utama didominasi oleh mereka yang berkuasa dan berkedudukan dalam masyarakat. Dalam keadaan tertentu, sesetengah berita yang dihasilkan oleh ahli-ahli politik atau kerajaan boleh menggugat atau mengancam kepentingan majoriti ahli komuniti. Sekiranya jenis berita ini tidak dilaporkan mengikut kehendak ahli-ahli politik, sebaliknya dibuat mengikut sudut pandangan media, corak liputan sebegini akan menimbulkan konflik.

Hubungan antara suratkhabar dan politik amat kompleks. Ahli-ahli politik sanggup mempengaruhi isi kandungan suratkhabar untuk mencapai matlamat politiknya. Golongan elit pemerintah sanggup membekalkan maklumat yang mengandungi fakta-fakta yang cukup banyak kepada wartawan supaya mereka wujud sebagai sumber yang aktif dalam memberi maklumat. Ruangan pendapat di suratkhabar pula mencerminkan pandangan penulis terhadap sesuatu isu berita kepada pembaca. Ahli-ahli politik yang mendominasi institusi-institusi suratkhabar turut mempengaruhi ruangan pengarang supaya memberi liputan yang menyokong mereka.

## 1.2. RASIONAL KAJIAN

Banyak pengkaji telah menghurai kaitan antara budaya dan elit pemerintah. Stuart Hall (1981:238) mengatakan berita dihasilkan oleh elit pemerintah sementara rakyat hanya dapat menentukan budaya popular. Elit pemerintah merupakan satu persekutuan yang mengenakan dominasi melalui institusi-institusi kerajaan, politik, industri, media dan undang-undang. Dalam jangka masa yang panjang, institusi-institusi tersebut akan menghala ke satu matlamat yang sama iaitu mengenakan dominasi walaupun institusi-institusi masing-masing mempunyai autonomi relatif. Umpamanya dalam isu-isu tertentu, media memang boleh memberi tekanan kepada kerajaan supaya kerajaan mengubah dasar. Namun dengan adanya penguatkuasaan undang-undang terhadap media, maka media akhirnya juga terpaksa menghasilkan laporan yang menunjukkan minat yang sama dengan pandangan dominan.

John Fiske (1992) mengatakan salah satu langkah yang diambil oleh elit pemerintah untuk menjalankan dominasi ialah dengan mengawal laporan berita supaya liputan berita dapat menyumbang kepada kepentingan elit pemerintah. Fiske membuat rumusan bahawa elit pemerintah bukan merupakan satu kelas walaupun elit pemerintah rapat dengan orang yang tergolong dalam kelas ‘bourgeois’. Elit pemerintah sebenarnya ialah segolongan orang yang cuba mengenakan minat yang sama melalui kuasa yang mereka pegang dalam masyarakat.

Elit pemerintah dalam pada itu melalui media massa memberitahu orang ramai mengenai keputusan, kekuatan, kebolehan pemerintah dari segi laporan di suratkhabar serta media massa lain (Paletz et al., 1981:5). Suratkhabar pula mempunyai kuasanya untuk menentukan apakah berita yang patut diberitahu kepada pembacanya, namun mengikut Fiske (1992), maklumat dalam berita tidak selalu bersifat kebenaran, tetapi

maklumat adalah berkait rapat dengan tahap kepentingannya dalam masyarakat serta minat politik yang menjalankan kuasa terhadapnya.

Banyak kajian telah dibuat mengenai pengaruh kerajaan terhadap media massa.<sup>1</sup>

Begitu juga dengan kajian yang dibuat mengenai pengaruh golongan elit terhadap budaya.<sup>2</sup> Di Malaysia, kajian-kajian yang telah dibuat merupakan berita politik, berita pilihanraya, sensasi suratkhabar dan fenomena bias.<sup>3</sup> Namun masih kekurangan kajian empirikal yang mempersoalkan apakah dan bagaimana golongan elit melalui suratkhabar mempengaruhi corak liputan berita budaya.

Setakat ini boleh dikatakan suratkhabar sering kali membuat liputan yang banyak mengenai aktiviti-aktiviti kerajaan, memaparkan berita yang positif kepada kerajaan sementara jarang membuat liputan yang mencabar atau menyoal keberkesanan sistem kerajaan, tidak mempersoalkan dasar atau keputusan kerajaan. Sementara itu boleh dikatakan beberapa kejadian yang boleh dijadikan berita tidak pula disiarkan dalam media massa. Isu yang negatif bagi parti pemerintah tidak sering ditonjolkan. Pertalian antara media massa dengan elit pemerintah boleh dianggap sebagai saling bekerjasama antara satu sama lain. Mesej-mesej parti pembangkang tidak banyak menerima sambutan daripada institusi media (Syed Arabi et al., 1993).

<sup>1</sup> Kajian tersebut adalah mengenai media massa dan politik; Arno, A. dan W. Dissanayake (1984), *The News Media in National and International Conflict*. Boulder: Westview Press; Alger, D.E (1996), *The Media and Politics* (2nd Ed.). California: Wadsworth Publishing Company; McQuail, D. et al. (1986), *New Media Politics: Comparative Perspectives in Western Europe*. London: Sage; Cioffi-Revilla, A. C. (1987), *Communication and Interaction in Global Politics*. London: Sage; Stevenson, R. L. (1988). *Communication, Development and the Third World: the Global Politics of Information*. New York: Longman; Paetz, D. L dan R. M. Entman (1981). *Media, Power, Politics*. New York: The Free Press.

<sup>2</sup> Rujukan tersebut membincangkan hubungan antara media dan budaya; Dahlgren P. dan C. Sparks (Peny.) (1992). *Journalism and Popular Culture*. London: Sage; Shepherd, J., P. Virden, G. Vulliamy dan T. Wishart (1977). *Whose Music? A Sociology of Musical Language*. London: Latimer; Rose, A. dan T. Rose (1994). *Microphone Fiends*. New York: Routledge.

<sup>3</sup> Mansor Abdul Saman dan Amerjit Singh (1987). *Media dan Pembentukan Agenda Awam: Kajian Pelaporan Akta Rahsia Rasmi*. Pulau Pinang; Mohd. Safar Hasim (1996). *Mahathir dan Akhbar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications; Syed Arabi Idid dan Mohd. Safar Hasim (1993). *Pilihan Raya Umum: Satu Perspektif Komunikasi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Leh, Kathrina S. C. (1988). *Kajian Kes Mengukur Objektiviti Berdasarkan Liputan Berita Dua Suratkhabar Harian Mengenai Kes Perbicaraan Sam Ser*. Latihan Ilmiah Pusat Pengajian Komunikasi: Universiti Sains Malaysia.

Di Malaysia, pengaruh kerajaan ke atas institusi-institusi suratkhabar adalah kuat; pemilikan dan penguasaan golongan elit pemerintah secara ekonomi serta kawalan undang-undang terhadap suratkhabar merupakan dua corak kawalan golongan elit pemerintah terhadap suratkhabar (Zaharom, 1992).

Dengan adanya pengaruh pihak pemerintah ke atas media di Malaysia, sistem media dikatakan terkongkong dan tidak bebas. Bagi mereka yang ingin memperluaskan sempadan pendapat-pendapat, memperjuangkan idea alternatif, kawalan undang-undang akan menyekat mereka. Syarikat akhbar terpaksa selalu berhati-hati kerana sentiasa dikawal oleh pelbagai akta termasuk Akta Hasutan dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Kawalan kerajaan terhadap institusi suratkhabar dan penguatkuasaan undang-undang mempengaruhi corak liputan suratkhabar. Kawalan kerajaan dapat mempengaruhi pemilihan sumber berita yang dibuat oleh media. Sumber dianggap sebagai pelakon yang mempunyai kawalan kuat di dalam pemberitaan, yang menyebabkan sumber dikenali sebagai penentu prima. Setiap hari terdapat banyak berita yang berpotensi dipaparkan di dalam suratkhabar, namun suratkhabar hanya mempunyai ruangan yang terhad. Ini menyebabkan pemilihan berita dilakukan sebelum sesebuah berita disiarkan di dalam suratkhabar. Justeru itu jenis berita dan penentu prima dalam sesebuah berita menjadi satu persoalan yang sering dipertimbangkan semasa pemilihan berita.

Pertalian yang rapat wujud di antara sumber dan wartawan sekiranya sumber selalu membekalkan maklumat kepada institusi media. Sumber yang kerap wujud dalam berita merupakan sumber yang aktif dan memegang peranan penting dalam bidang politik, ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Kumpulan orang tertentu yang memegang kuasa atau mempunyai kedudukan dalam jentera pentadbiran awam, mereka

yang berkuasa dalam sosial juga mempunyai peluang yang lebih tinggi dipilih sebagai sumber.

Seperti yang dikatakan oleh Herbert J. Gans (1980:116), sumber akan mempengaruhi jenis berita yang dipaparkan. Ini disebabkan wartawan secara aktif telah mengikuti berita yang dibuat oleh sebilangan kecil sumber yang senang didapatkan, dan keadaan ini menyebabkan wartawan berasa pasif terhadap sumber baru yang mempunyai nilai berita.

Secara teori, sumber boleh datang dari pelbagai punca yang berlainan, namun secara praktis sumber yang dipaparkan dalam berita menunjukkan hierarki negara atau masyarakat. Sumber yang berkuasa jarang menggunakan kuasanya untuk menonjolkan diri dalam sesebuah jalan cerita, sebaliknya sumber berkuasa telah mencipta berita yang sesuai dengan kuasa yang ada di tangan mereka (Gans, 1980:119).

Dari sudut pandangan ini, sumber telah menunjukkan satu keinginan yang kuat supaya media memaparkan maklumat sumber tersebut. Ini kerana sumber boleh mendapat manfaat akibat pemaparan berita secara sah melalui media ataupun sumber memerlukan media supaya matlamat sumber tercapai.

Walaupun wartawan mempunyai kuasa untuk mengkritik sumber yang berkuasa secara eksplisit mahupun implisit, namun wartawan tersebut perlu mempunyai bukti yang kukuh untuk menyokong fakta wartawan tersebut. Sekiranya tidak, sumber yang berkuasa boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas wartawan serta organisasi suratkhabar tersebut.

Hubungan kompleks antara media dan golongan elit pemerintah menimbulkan minat supaya kajian terhadap berita budaya dibuat. Perlu ditekankan bahawa kewartawanan secara amnya, bukan hanya merupakan satu bidang yang bersifat keuntungan, bahkan juga merupakan satu kerjaya yang berkhidmat untuk masyarakat

umum serta menyumbang kepada kebajikan masyarakat. Tugas utama wartawan adalah untuk membekalkan maklumat yang benar dengan tujuan membawa keadilan, pembangunan serta menegakkan demokrasi negara.

Penulisan para wartawan tidak sepatutnya dimotivasi oleh minat sesetengah sumber, dan wartawan tidak patut menggunakan pengaruh yang ada untuk menghasilkan penulisan demi kepentingan sumber walau sesiapa pun yang merupakan sumbernya (MacDougall, 1964:145).

Setakat ini, persoalan mengenai isu budaya yang dikawal oleh golongan elit melalui suratkhabar masih banyak yang perlu diselidiki. Berdasarkan isu kontroversi yang berlaku, maka dua insiden yang bersifat kontroversi iaitu konsert persesembahan Michael Jackson dan konsert persesembahan KRU dipilih untuk dijadikan bahan kajian kes.

### 1.3. LATAR BELAKANG KAJIAN KES

Konsert muzik Michael Jackson yang bertajuk 'HIStory World Tour' sepatutnya dipersembahkan di Stadium Shah Alam pada 27 Oktober 1996. Namun konsert ini telah diharamkan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam. Terdapat pelbagai pihak termasuk Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia yang mendesak konsert tersebut diharamkan. Namun pengharaman ini tidak mendapat persetujuan dari Kabinet kerana Kabinet melalui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak menghalang konsert Michael Jackson. Akhirnya konsert Michael berjaya dipersembahkan di Stadium Merdeka selama dua hari.

Konsert kumpulan KRU yang terdiri daripada tiga orang penyanyi tempatan merancang untuk membuat persembahan di lima belas tempat di seluruh Semenanjung Malaysia. Namun beberapa negeri telah mengharamkan konsert tersebut. Pengharaman

konsert tersebut telah menimbulkan isu hangat sehingga ia dibincang di mesyuarat Exco seperti di negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Melaka dan Johor. Kabinet akhirnya menyeru supaya kerajaan negeri menimbang semula kelulusan persembahan KRU. Persembahan KRU akhirnya diluluskan oleh kerajaan negeri atas alasan menghormati keputusan Kabinet.

#### 1.4. PERSOALAN KAJIAN

Tujuan tesis ini adalah meninjau sama ada golongan berkuasa yang merupakan elit pemerintah bertindak sebagai penentu prima dalam proses pelaporan berita kebudayaan yang bersifat kontroversi. Disebabkan golongan elit mendominasi arena politik, mereka sering melabel dan menentukan nilai untuk budaya. Dalam proses penilaian sesuatu budaya, konflik telah wujud di antara pihak elit yang cuba membentuk pengaruhnya dengan golongan bukan elit. Golongan bukan elit yang merupakan majoriti rakyat dipandang kurang berbudaya kerana terdapat percanggahan dalam menginterpretasi budaya dari perspektif yang berlainan. Ketidaksamaan dalam kelas dan sosioekonomi merupakan punca bagi perbezaan dalam darjat penerimaan sesuatu budaya. Keadaan menjadi lebih rumit lagi selepas wujudnya lebih banyak cabangan dalam subbudaya akibat kesan polarisasi dalam golongan yang lebih khusus mengikut ciri-ciri tertentu seperti gender dan umur.

Dalam tesis ini, usaha dibuat dalam meneliti penyerapan ideologi golongan elit melalui laporan suratkhabar untuk mempengaruhi budaya popular. Budaya popular dari segi ideologi boleh memotivasi audiensnya ke arah pencapaian kehendak politik. Pada masa yang sama budaya popular boleh mempengaruhi perubahan politik yang cuba dilakukan melalui kuasa, pemberontakan dan komunikasi massa dalam alam politik.

Persoalan yang timbul ialah golongan elit cuba menyelitkan ideologi politik ke dalam budaya popular untuk diterima oleh golongan bukan elit.

Percanggahan dari kedua-dua budaya juga mencerminkan percanggahan nilai antara kedua-dua golongan elit dan bukan elit. Dalam hal ini, segala pelaporan berita budaya akan memberi kesan kepada khalayak umum. Oleh itu, kajian ini cuba meneliti hubungan dan pengaruh golongan elit dalam proses pembentukan budaya. Persoalan utama yang mendasari kajian ini termasuk: Siapakah yang dipilih oleh media sebagai penentu prima dalam berita budaya yang kontroversi dan bagaimana ideologi golongan elit diserap melalui laporan berita? Secara khusus kajian ini cuba untuk melihat sejauh mana suratkhabar dipengaruhi oleh golongan elit seperti mana tergambar di dalam laporan-laporannya, dan adakah suratkhabar memberikan lebih banyak liputan yang pro-elit pemerintah.

## BAB 2

### BUDAYA DAN PENGARUH POLITIK

Pengaruh politik terhadap berita budaya popular dalam suratkhabar kurang mendapat perhatian para pengkaji. Kebanyakan kajian hanya melihat bagaimana budaya digunakan oleh golongan elit untuk mencapai kepentingan politik elit pemerintah.

David Paul Nord (1995) telah membuktikan hubungan budaya dan kuasa politik dapat membawa pengaruh kepada pembaca suratkhabar. Nord mendapati pembaca membentuk maksud sendiri ketika membaca suratkhabar, tetapi proses kreatif ini selalu dipengaruhi oleh organisasi budaya dan kuasa politik. Konsep utama yang berkaitan dengan persoalan yang akan diteliti termasuk budaya, budaya popular, konsep kepentingan budaya terhadap elit serta hubungan media dengan budaya popular.

#### 2.1. DEFINISI BUDAYA

Konsep budaya adalah konsep yang luas dan sukar untuk diberikan takrifan. Budaya menyatukan dan membezakan masyarakat berdasarkan ciri-ciri unik budaya yang saling menjalini banyak faktor yang berkaitan secara kompleks. Budaya satu negara dibentuk berdasarkan bahasa, sejarah, tradisi, cuaca, geografi, kritikan sastera, kesenian, sosial, ekonomi, norma politik, sistem nilai, perbincangan nasionalisme dan juga pertimbangan akal (Watson et al., 1993:49). Justeru itu, dalam setiap perbincangan mengenai budaya, maksud budaya patut dikaitkan dengan faktor-faktor yang membentuknya kerana budaya secara relatif mempunyai perbezaan daripada yang lain. Oleh yang demikian istilah budaya patut dibincangkan mengikut konteks sendiri.

Moscovici (dalam Latane, 1996) juga mempunyai pemahaman yang hampir sama dengan Watson dengan mengatakan budaya memberi satu pemahaman umum terhadap

pengalaman, individu serta realiti sosial. Melalui budaya, satu set kepercayaan, nilai dan amalan yang disampaikan melalui sosial dapat menjadikan ciri-ciri satu masyarakat tertentu. Idea dan amalan yang dikongsi melalui budaya tertentu, mempengaruhi doktrin keagamaan dan upacara, etika, politik serta cara pertuturan sehingga menimbulkan satu representasi sosial.

James Carey (1988) mendefinisikan budaya sebagai satu pembahagian sifat sekumpulan manusia. Ini adalah disebabkan oleh kumpulan manusia tersebut telah menikmati persamaan seperti alam sekitar, agama, adat resam dan amalan. Malah budaya yang terdiri daripada teks dan artifek simbolik dapat dienkod dalam maksud tertentu oleh sekumpulan manusia tertentu. Lantaran itu, untuk mendefinisi budaya memerlukan pemahaman dalam perlakuan, adat resam serta pernyataan mengenai sekumpulan orang yang mengamalkannya bersama-sama.

Mengikut Carey (1988:34) lagi, kehidupan sosial bukan setakat kuasa dan urus niaga, tetapi juga melibatkan pengalaman, keagamaan, nilai peribadi dan sentimen. Lantaran itu budaya telah menjadi tumpuan antara komunikasi dan masyarakat. Mengikut teori sosial, budaya biasanya dikonsepsi dengan nilai dan sistem norma. Pada masa yang sama, budaya dipandu oleh corak interpretasi serta perubahan tingkah laku yang tertakluk kepada perubahan masyarakat. Ron Eyerman et al. (1995:449) mengkonsepsikan budaya dan masyarakat sebagai sfera yang berasingan kerana budaya penuh dengan simbol dan perlambangan. Sebaliknya masyarakat pula dikaitkan dengan realiti kebendaan dan perlakuan sosial.

John Fiske (1989:1) mendefinisikan budaya sebagai proses berterusan yang menghasilkan maksud daripada dan melalui pengalaman sosial. Ini melibatkan manusia memahami sesuatu teks, termasuk memahami benda yang dienkod secara simbolik.

Pemahaman ini termasuk komoditi, pemakaian, bahasa, struktur sosial serta konvensi terhadap produk media, iaitu program televisyen, muzik dan filem.

Budaya, seperti yang dikatakan oleh Williams (dalam Burgess 1985:2) berkaitan dengan seni dan masyarakat. Budaya mempunyai hubungkait yang kompleks dengan perkembangan masyarakat, yang dikatakan warisan kebudayaan yang merujuk kepada cara hidup.

Konsep budaya tidak terlepas daripada hubungan dengan golongan elit. Para sarjana seperti Tim O' Sullivan et al. (1983:57-60) telah menerangkan istilah budaya secara lanjut dari sudut pandangan sejarah sistem kapitalis Eropah sehingga ke pandangan para sarjana pada masa kini. Menurut O' Sullivan, budaya merupakan kepentingan kepada golongan elit. Ini adalah kerana budaya digunakan oleh golongan elit sebagai pemeliharaan fikiran untuk menghasilkan pemerintahan yang sempurna bagi kepentingan golongan elit. Keadaan ini telah berlaku sejak abad ke17 dan ke18 di peringkat awal ekonomi pasaran Eropah yang menghasilkan sistem imperialisme kapitalis.

Mengikut O' Sullivan, istilah budaya dikecam oleh Karl Marx kerana Marx berpendapat bahawa perkataan budaya hanya bermakna kepada orang kaya kerana budaya dapat mencipta satu sistem yang memanfaatkan golongan berada yang disifatkan sebagai golongan elit. Pada masa yang sama budaya bermaksud kemiskinan kepada golongan miskin kerana golongan elit yang mencipta sistem dalam budaya akan menentukan bahawa faedah golongan elit terus terjamin.

Budaya dibentuk melalui masyarakat yang menganuti ideologi berkaitan dengan dimensi politik. Pelopor moden bagi konsep budaya pula berkata bahawa konsep budaya sebagai benteng kesempurnaan ini telah berpengaruh dalam memberikan ideologi kepada golongan elit yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kerajaan, pentadbiran,

intelektual dan penyiaran di mana kepentingan mereka yang berbeza boleh digambarkan sebagai kepentingan umum.

Ideologi dalam budaya ini membenarkan golongan elit membuat pengaruh terhadap amalan sosial dalam dunia tanpa mengambil kira sejarah. Ideologi terdiri daripada simbol-simbol dalam budaya dan kepercayaan yang digunakan oleh ahli masyarakat untuk membincangkan struktur susunan masyarakat yang lebih berintelektual. Sebenarnya ideologi mencerminkan dan menyokong kepentingan kumpulan tertentu seperti golongan elit dalam masyarakat. Seperti yang diujahkan oleh Daniel Bell (1977) dan Angelika Bammer (1981), ideologi dipergunakan untuk mengabui minat kumpulan tertentu. Kumpulan elit mempromosi ideologi tersebut untuk tujuan mendapat dan mengekalkan diri mereka sebagai autoriti ekonomi dan politik dalam masyarakat.

Nilai yang terkandung dalam budaya merupakan aspek budaya tidak bersifat material dan nilai adalah penting dalam masyarakat kerana ia mempengaruhi tingkah laku ahli dalam masyarakat. Nilai akan mendorong individu ke arah pencapaian dalam masyarakat. Contohnya ahli-ahli masyarakat mementingkan kedamaian, keadilan, kebebasan demokrasi melalui nilai-nilai yang terkandung dalam budaya (Outhwaite et al., 1993).

Konsep budaya dipertikaikan oleh golongan yang menentang fahaman elit. Golongan elit menganggap bahawa fahaman elit adalah berbudaya, sebaliknya majoriti yang tidak tergolong dalam golongan elit dianggap sebagai tidak berbudaya. Dalam bidang sastera dan budaya, budaya dominan sering digunakan untuk memperkenalkan golongan elit yang mempunyai nilai estetik. Budaya dominan merujuk kepada kerja-kerja kesenian dan sastera, kesemua aspek kehidupan golongan elit seolah-olah telah bersebat dengan nilai estetik tersebut. Setelah pembahagian budaya berlaku, ini diikuti oleh pembahagian sosial mengikut kelas, gender, bangsa dan sebagainya. Oleh itu boleh

dikatakan budaya merupakan bidang penting bagi penghasilan semula ketidaksamaan kuasa sosial.

Budaya golongan elit telah dianggap sebagai budaya dominan. Pengenalan budaya dominan yang digunakan oleh golongan elit yang mendominasi masyarakat diperlukan kerana dalam sesuatu masyarakat, budaya wujud bukan sahaja terhad kepada satu budaya yang seragam sahaja, sebenarnya wujud juga subbudaya dalam sesuatu budaya tertentu yang lebih besar. Organisasi dan institusi yang berlainan hanya mengamalkan budaya mereka masing-masing, yang berlainan dengan yang lain mengikut kelas tertentu seperti budaya kelas pekerja atau kelas pertengahan mahupun budaya popular diwujudkan (Watson et al., 1993:49).

Antonio Gramsci (dalam Bigsby, 1976:55) membuat penjelasan antara budaya popular dan budaya dominan. Budaya dominan merupakan budaya yang diamal di kalangan kelas atasan sementara budaya popular merupakan budaya kelas bawahan. Dengan perwujudan ini, kriteria kelas menunjukkan bahawa kaitan antara kelas atasan-bawahan dan golongan majoriti-minoriti wujud antara dua budaya.

## 2.2.. DEFINISI BUDAYA POPULAR

Budaya popular pula mempunyai definisi yang hampir serupa dengan budaya, namun definisi mengenai budaya popular masih tidak mencapai maksud yang dipersetujui ramai. Perkataan popular selalu merujuk kepada segolongan orang tertentu yang tidak berkaitan dengan golongan elit dari segi ekonomi mahupun sosial.

Bibb Latane (1996) membincangkan bagaimana konsensus dicapai sehingga budaya popular diwujudkan. Latane membentangkan satu teori dinamik ke atas impak sosial yang mengemukakan struktur-struktur dalam elemen budaya boleh mencapai pergabungan setelah manusia berinteraksi di satu kawasan yang sama.

Dalam struktur sosial yang bermula daripada individu-individu, manusia mempengaruhi antara satu sama lain dalam lokasi yang berlainan. Proses saling bertindak dan pengaruh yang berulang-ulang turut dihasilkan sehingga menimbulkan konsensus dalam sikap, nilai, praktis dan identiti. Konsensus ini kemudian menghasilkan budaya popular yang berbeza dari budaya dominan.

Berbeza dengan budaya dominan, budaya popular merujuk kepada simbol yang unik, kepercayaan dan tingkah laku pemuda-pemudi dalam masyarakat. Raymond Williams menyumbangkan kerjanya yang mengaitkan cara kepada bagaimana industri budaya menyatakan budaya popular (Williams, 1976). Beliau membincangkan konsep budaya tanpa menghuraikan minat yang membentuk budaya. Perbincangan beliau mengenai budaya bermula dari sejarah sosial abad ke18 ketika nilai diselitkan ke dalam budaya cuba mempengaruhi pengamalnya. Perluasan budaya yang bersifat kejiwaan terus berkembang dengan cepat ketika budaya membawa maksud tersirat bahawa budaya elit itu bersifat keaslian.

Kewujudan budaya popular sebagai alternatif kepada budaya dominan kerana budaya popular mempunyai sistem nilai, norma dan kepercayaannya. Budaya popular memerlukan perundingan penting dan tersendiri dalam perbincangan budaya yang luas ini. Budaya popular adalah berkaitan dengan kegiatan harian, pengalaman dan kepercayaan yang diamalkan oleh golongan orang biasa yang bukan terdiri daripada kumpulan elit. Golongan orang biasa ini melibatkan majoriti ahli dalam masyarakat dan mereka ini tidak berkuasa serta tidak mempunyai pembahagian harta yang tinggi dalam masyarakat. Budaya popular sebagai usaha untuk menggabungkan umur dan kelas sosial sebagai penentu bagi identiti budaya popular dan kegiatan sosial remaja yang tersendiri. Justeru itu beberapa andaian penting mengenai konsep budaya popular diperlukan.

Pertamanya, masyarakat dicirikan oleh pembahagian mereka kepada kelas sosial dengan berdasarkan ketidaksamaan kuasa dan kekayaan, serta hubungan mereka antara golongan dominan dan subordinasi. Andaian kedua pembahagian dan hubungan tidak sama dan bertentangan ini dikenali dan dinyatakan dalam bentuk budaya kelas sendiri menghasilkan gerak balas budaya yang kompleks. Ketiganya, golongan remaja sendiri membincang dan memajukan budaya popular mereka sendiri yang berbeza terutamanya simbolik terhadap masalah status umur, generasi, kawalan, kedudukan kelas dan ketidaksamaan, terutamanya apabila ia digabungkan dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan masa lapang (O' Sullivan et al., 1983:174-176).

Budaya dominan yang diperkenalkan melalui pendidikan, khasnya aliran seni dalam institusi pengajian tinggi seolah-olah untuk individu yang berkedudukan tinggi sahaja. Keadaan ini menyebabkan semakin banyak budaya yang dikaitkan dengan kehidupan intelektual yang bertentangan dengan kehidupan material, semakin banyak budaya tersebut menjadi subjektif dan bersifat individu.

Budaya popular membawa maksud mewakili nilai dan norma, termasuk idea dan amalan subgolongan yang spesifik. Kajian subbudaya juga menerangkan sikap dan tingkah laku subgolongan orang yang menyeleweng dari norma masyarakat dan aktiviti yang berkaitan dengan mereka.

Seperti yang diujahkan oleh Edsforth dan Bennett (1991), sejarah budaya popular selari dengan perubahan politik dari segi kuasa, pemberontakan dan komunikasi massa dalam lapangan politik. Budaya popular mempunyai hubungan rapat dengan budaya politik dan tidak boleh diabaikan dalam mempelajari komunikasi politik.

Clarke J. et al. (1976:13) telah mengatakan budaya popular merupakan subset kepada budaya induk, dan budaya popular juga mesti dianalisis dari segi hubungan dengan budaya dominan. Justeru itu analisis budaya popular menyarankan cara yang

penting untuk membentuk makna memahami kemunculan, tingkah laku dan kepentingan kaum remaja yang berbeza. Brake (1980) dan Hebdige (1979) juga mengkaji budaya popular remaja yang menumpu kepada bagaimana remaja menarik perhatian sekeliling dengan corak pakaian yang berlainan.

Masyarakat yang diorientasi oleh orang dewasa melihat budaya popular sebagai budaya yang menyeleweng. Budaya popular ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza daripada sistem nilai dominan tetapi juga menyatakan sentimen dan kepercayaan unik kumpulan mereka sendiri. Keadaan ini mendorong pengamal budaya popular turut terlibat dalam aktiviti politik yang terpengaruh dengan ideologi radikal.

Pemahaman tentang budaya popular yang diamalkan oleh golongan remaja perlu mengambil kira sejarah dari sudut pandangan sosiologi. Dari perspektif sosiologi, teori interaksi konflik dan simbolik digunakan untuk mengambil kira pertumbuhan budaya popular. Teori ini menerangkan bahawa sekiranya masyarakat mengalami perubahan yang laju sehingga remaja menghadapi masalah untuk berintegrasi dengan institusi aliran utama seperti masalah pengangguran, kelas dan konflik status (Outhwaite, 1993).

Jesus Martin-Barbero (1993) menerangkan konsep budaya popular yang merujuk kepada penentangan. Budaya popular ditafsirkan secara negatif; ia dianggap sebagai reaktif, kasar, tidak berkualiti dan berpangkat rendah jika dibandingkan dengan budaya elit. Budaya popular dianggap sebagai budaya yang berjaya diselamatkan di bawah perkembangan kapitalisme. Teori modenisasi pula menganggap budaya popular sebagai budaya yang tertinggal, jahil, karut dan menganggap manusia mesti tinggalkan budaya popular untuk mencapai modenisasi.

Teori subbudaya menerangkan budaya popular wujud kerana ia membolehkan remaja mencari keseronokan, nilai serta status yang tidak boleh dicari daripada tempat kerja mereka. Subbudaya juga menerangkan remaja menganggap muzik sebagai satu

simbolik untuk menonjolkan nilai kehidupan yang bebas membuat pergaulan (Frith, 1993:81).

Dengan adanya kajian mengenai analisa tingkah laku remaja, fungsi budaya popular dilihat sebagai budaya yang memperjuangkan ruangan untuk remaja dengan membentuk identiti kolektif yang menentang nilai dominan. Kajian budaya popular yang tertumpu kepada analisa tingkah laku, kegiatan dan identiti remaja yang ingin menarik perhatian, maka maklum balas remaja terhadap masyarakat telah dianggap sebagai satu identiti yang terkandung dalam budaya popular. Ini menyebabkan budaya popular mempunyai kecenderungan ditafsirkan sebagai sesuatu budaya yang menyimpang, mengancam serta tidak akur dengan nilai masyarakat.

Dalam kes tertentu, komuniti yang mengamalkan budaya popular mempunyai kod bahasa yang tersendiri. Sistem perbezaan sering menjadi tajuk bantahan kepada golongan dominan yang ingin mengekalkan budaya dominan. Kumpulan dominan menggelar komuniti yang mengamalkan budaya popular sebagai kelas bawahan dan mempunyai status pergantungan terhadap masyarakat. Budaya popular juga mewakili kumpulan sosial yang tersendiri yang merupakan pengalaman kepada komuniti tersebut. Sesetengah budaya popular dan komunitinya pula dianggap sebagai menyimpang dalam masyarakat.

Budaya popular diamalkan oleh majoriti ahli masyarakat, khasnya golongan remaja. Kumpulan elit telah membuat kritikan terhadap budaya popular sehingga sarjana menggariskan perbezaan daripada pandangan kumpulan elit. Umpamanya Frankfurt School telah menunjukkan ketidakpuasan terhadap kritikan golongan elit tersebut (Dahlgren et al., 1992: 6).

Mengikut John Fiske (1992), budaya popular adalah intepretasi masyarakat terhadap produk yang dihasilkan oleh budaya yang dikuasai golongan kapitalis. Burke (1978) telah membuat pembahagian komuniti Eropah pada abad ke16 dan ke17 kepada

kelas atasan dan bawahan. Kelas atasan merupakan golongan kaya yang memiliki harta yang banyak serta golongan yang memiliki ladang untuk pertanian. Kelas bawahan pula merupakan golongan pekerja atau buruh yang bekerja untuk golongan kelas atasan. Pada ketika itu golongan di dalam kelas bawahan sudah pun didominasi oleh budaya popular.

Pada abad ke18, muzik popular di Eropah dikategori dan dibezakan sebagai budaya yang tidak digolong dalam kelas muzik. Muzik popular dianggap sebagai aktiviti yang telah bersebat dengan kehidupan kelas bawahan (Grammond, 1991:461). Walau bagaimanapun, Cunningham (1980) telah membuktikan bahawa penglibatan dan penghayatan budaya popular telah dapat mengharungi batasan kelas. Cunningham mengatakan pada awal abad ke19, budaya popular telah mengancam golongan dominan sehingga pergerakan politik dan ekonomi sebat dengan kelas dominan.

Robinson et al. (1991:3) juga mengatakan budaya popular bukan setakat dihasilkan oleh kumpulan bawahan, tetapi juga merupakan turutan budaya dominan serta budaya lain, yang diadaptasi dan dicampur aduk dengan budaya tempatan. Justeru itu dalam budaya popular, hegemoni merupakan teori yang amat penting. Keadaan berterusan sehingga hari ini budaya popular masih saling memainkan peranan antara budaya dan ideologi dominan serta kumpulan subordinat dalam masyarakat.

Mikhail Bakhtin (dalam Martin-Barbero, 1993:65) membincangkan budaya popular dengan menumpu kepada ruangan semulajadi budaya popular iaitu tempat di mana manusia boleh membangkitkan suara mereka. Kajian Bakhtin telah menumpu kepada bahasa yang dianggap sebagai lapangan umum yang merupakan bentuk komunikasi, kerana bahasa tidak dipengaruhi oleh jentera awam seperti institusi agama dan undang-undang. Lapangan umum ini merupakan ruangan yang menyatakan perasaan serta dapat mencerminkan kehidupan harian. Kajian Bakhtin adalah menekan kepada apa

yang dianggap sebagai ganjil, alternatif dan di luar budaya resmi dan menganggap bahasa dapat menyumbang kepada ruangan kebebasan.

Budaya popular tidak dapat berkekalan secara stabil jika dibandingkan dengan budaya dominan. Perubahan budaya melibatkan sekumpulan besar manusia yang menjalankan transformasi nilai serta mengadaptasi corak baru dalam tingkah laku mereka akibat daripada kemajuan sosial, politik, industri dan teknologi. Budaya popular, seperti muzik popular dan kesusasteraan picisan turut mengalami perubahan mengikut perubahan masa.

Dalam proses transformasi budaya, aktiviti sosial yang melinkungi budaya popular dan hiburan dapat menukar nilai individu serta gaya hidup masyarakat. Kedudukan media massa yang semakin meningkat turut mengubah pandangan sosial terhadap dunia hiburan sehingga imej budaya popular dipertimbangkan terhadap budaya dominan.

Sesetengah pengkaji sains sosial menginterpretasi pembentukan budaya popular sebagai kegagalan dalam sistem sosial dewasa. Kepelbagaiannya bentuk budaya popular menunjukkan pemuda tidak puas hati dengan status quo dan menimbulkan keinginan untuk mencipta dunia yang lebih baik atau berasingan untuk generasi baru. Walaupun banyak interpretasi telah dibuat, terdapat persetujuan bahawa budaya popular mewakili satu tekanan perubahan yang berpengaruh, memberi impak yang jelas kepada masyarakat moden.

Media massa dan hasilan media dapat menyumbang kepada perubahan budaya, sehingga media massa dikritik sebagai penghasil budaya massa. Mengikut Alan Swingewood (1977), ideologi yang terkandung dalam media massa amat berpengaruh sehingga masyarakat menganggap bahawa budaya massa sudahpun terhasil di masyarakat hari ini.

Martin-Barbero (1993) dalam artikelnya mengatakan budaya penulisan berhubung terus dengan bahasa, sementara muzik yang dihasilkan daripada televisyen dan video dapat menghasilkan budaya baru yang seterusnya membentuk budaya popular di kalangan remaja. Keadaan ini menyebabkan budaya popular dianggap sebagai tiada sumber. Walau bagaimanapun budaya popular tidak dianggap sebagai antinasional kerana budaya popular merupakan satu cara baru untuk mengerti identiti dalam jangka masa yang tidak tetap dan lebih pendek. Pada masa yang sama budaya popular membenarkan unsur-unsur lain dicampur ke dalam dunia popular.

Budaya diagih melalui sosialisasi ahli komuniti dalam masyarakat. Media telah memainkan peranan penting dalam proses ini. Media telah mencerminkan budaya serta berkomunikasi dengan kumpulan sosial yang lain dalam organisasi masyarakat. Pelbagai jenis media yang berlainan telah berintegrasi dengan kehidupan sosial remaja sehingga ia mempengaruhi ideologi remaja. Umpamanya, jenis media seperti akhbar dan majalah muzik dapat memandu pembacanya ke arah pembentukkan budaya popular. Pada masa yang sama budaya popular telah membuka pasaran kepada media transnasional untuk memperluaskan pasaran komersial.

Dalam negara membangun seperti Malaysia, peranan media adalah penting dalam membentuk pemikiran yang dapat mempengaruhi budaya masyarakat. Malah boleh dikatakan media berperanan untuk menentukan arah pembentukan budaya negara masa depan. Namun dalam langkah pembentukkan budaya, pengaruh kerajaan ke atas ideologi-ideologi yang menentukan arah pembentukan budaya negara dijadikan persoalan. Justeru itu persoalan sedemikian mendorong kajian tentang pengaruh kerajaan terhadap pemaparan isu dan berita yang berkaitan dengan budaya dalam media massa.

## 2.3. HUBUNGAN BUDAYA DENGAN KEPENTINGAN POLITIK

Manusia mempunyai hubungan rapat dengan budaya. Malahan kelompok manusia seperti komuniti dan masyarakat dilihat dan difahami dari segi struktur sosiobudaya. Dalam erti kata lain, struktur budaya inilah yang memberikan identiti kepada satu-satu kelompok manusia.

Budaya sebagai satu linkungan yang mencerminkan keunggulan dan satu sistem yang menyebar makna kepada realiti yang wujud. Budaya tidak boleh diasingkan daripada sosioekonomi yang asas dalam masyarakat. Budaya adalah satu fenomena yang mengandungi unsur sejarah.

Horkheimer dan Adorno (dalam Martin-Barbero, 1993) telah memperkenalkan konsep industri budaya. Sumbangan konsep ini dalam budaya menerangkan bagaimana golongan elit pemerintah menggunakan budaya untuk mencapai kepentingan politik. Konsep ini memperkenalkan dua unsur penting kewujudan budaya. Pertama, kesenian telah menjadi ciptaan sistem sosial. Kedua, menunjukkan satu sistem industri telah mengesahkan dan mengawal penyebaran budaya. Akibat daripada sistem ini didapati hasilannya adalah seperti apa yang ingin dihasilkan supaya industri budaya ini mencipta keperluan palsu untuk mendapat pengaruh budaya yang sangat kuat di kalangan rakyat.

Konsep yang dikemukakan oleh Horkheimer dan Adorno ini mengupas falasi dalam apa sahaja budaya dalam semua komuniti. Konsep ini menunjukkan bahawa golongan yang mempunyai keutamaan politik cuba membentuk kesepaduan melalui pembentukan budaya elit pemerintah. Akibat daripada tekanan untuk mengamalkan budaya golongan elit, kesedaran terhadap perbezaan budaya turut terbentuk.

Simon Frith (1993) menghujahkan tekanan kesepaduan yang berlaku terhadap kesenian menyebabkan satu skim yang sama terbentuk sehingga mengurangkan peranan aktif seseorang audiens. Umpamanya muzik jazz menjadi muzik yang bersebat dengan

dominasi politik. Akibatnya stail dan fungsi muzik yang dikenali ramai ini menyebabkan komposer jazz telah menyingkirkan apa jua ritma muzik yang tidak mengikut stail muzik jazz yang sudah ditetapkan. Begitu juga dominasi politik berlaku ke atas filem yang menayangkan plot yang bergerak dengan laju sehingga audiens tiada masa untuk memikirkan secara kritikal apa yang ditontoni mereka.

Frith juga membincangkan kaitan sistem kapitalisme dengan kegiatan harian. Dalam kehidupan harian, sistem kapitalisme telah menimbulkan kaitan rapat antara kerja dan masa lapang. Konsep kesepaduan ini membantu menerangkan fungsi sosial mempengaruhi budaya ketika seseorang mengisi masa lapang sehingga pengaruh ini merupakan kawalan daripada sudut lain.

Pemikiran Frankfurt menerangkan pengaruh industri media ke atas budaya dari dimensi kedua iaitu melalui industri hiburan. Dari sudut pandangan ini, hiburan menjadikan kejam dalam kehidupan manusia dan melakukan eksploitasi tanpa bertoleransi, cara ini dilakukan dengan mempengaruhi pemikiran manusia secara lambat laun, sehingga kehidupan manusia bersebat dengan kewujudannya.

( Sistem kapitalis dalam sesebuah masyarakat bukan sebab utama yang menimbulkan dominasi dan kawalan terhadap masyarakat. Dalam masyarakat kapitalis, motif utama adalah untuk mencari keuntungan. Dalam bidang politik pula, ahli-ahli politik yang memegang kuasa bukan selalunya menjalankan kuasa mereka melalui parti-parti politik, sebaliknya kawalan boleh dijalankan melalui pelbagai bentuk yang berlainan. Salah satu bentuk kawalan ialah melalui pengaruh budaya (Tetzlaff, 1992). )

Dalam sistem ekonomi, penghasilan maklumat dan hiburan juga merupakan satu bidang yang mendatangkan banyak keuntungan. Kuasa komunikasi dikenali sebagai satu sistem monopoli kerana media dikendali oleh segolongan kecil orang yang menyemai nilai-nilai ‘bourgeois’ dan pandangan mereka sendiri untuk mengekalkan kelas mereka

sebagai kelas atasan. Bukan sahaja mesej dominan disebar melalui media massa, tetapi juga dengan cara tidak sedar memanipulasi audiens. Pemilikan institusi media dan hiburan yang didominasi oleh golongan elit secara lambat-laun mengubah citarasa kanak-kanak dan remaja daripada permainan tradisional kepada hiburan rancangan televisyen yang kepelbagaian. Walaupun ahli-ahli politik masih membincangkan nilai-nilai lama, namun perbincangan tersebut kurang dititikberatkan lagi (Frith, 1978).

Pemikir moden percaya bahawa seni boleh menggabungkan masyarakat mahupun mengasingkan masyarakat. Daniel Bell (1978) mengatakan bahawa kesenian ‘bourgeois’ menyokong kapitalisme. Industri muzik popular merupakan corak industri yang dapat mendatangkan keuntungan yang amat lumayan. Walaupun sesetengah isu sosial seperti isu mengenai persembahan konsert rock ‘n’ roll dibincangkan dalam senat, namun golongan yang memegang kuasa ini tidak menunjukkan minat untuk menyekat hak corak persembahan sedemikian. Perkara ini juga menunjukkan bahawa ketika nilai moral bertentangan dengan nilai wang, maka nilai wang yang diutamakan.

Kita boleh mengatakan sesuatu amalan budaya sebagai amalan yang menentang kuasa bergantung kepada kawasan di mana amalan itu berlaku. Disebabkan oleh kawasan yang berbeza, maka sesuatu budaya yang dianggap menentang nilai masa adalah selalu bergantung kepada konteks. Justeru itu satu persembahan konsert muzik popular mungkin merupakan satu aksi menentang kuasa di sesuatu negeri tetapi berbeza di negara lain. Ini juga bermaksud sesuatu budaya yang dianggap sebagai penentangan bukan bersifat universal, sebaliknya ia bergantung kepada lokasi untuk menentukan sama ada amalan tersebut diterima atau ditentangi undang-undang. Penentuan nilai amalan budaya selalunya bergantung kepada tahap tekanan yang diberi oleh golongan dominan. Pihak pemerintah di kawasan yang berlainan seperti kerajaan sesebuah negara atau kerajaan negeri masing-masing sanggup memberi tekanan terhadap sesuatu nilai budaya.